

29/04/2002

MT tidak minta penjelasan Azalina

KUALA SELANGOR, Ahad - Ketua Puteri Umno, Azalina Othman, tidak akan diminta memberi penjelasan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno berhubung dakwaan yang mengaitkannya sebagai lesbian.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi MT juga tidak akan membincangkan isu hanya berdasarkan laporan akhbar tabloid yang membuat dakwaan itu.

Bagaimanapun, katanya, Azalina boleh memberi penjelasan lanjut dalam MT jika Ketua Puteri Umno itu sendiri berasakan perlu berbuat demikian.

"Saya ingat dia takkan diminta beri penjelasan (kepada MT). Kalau ada kena mengena dengan dia, dia rasa perlu memberi penjelasan, dia akan berilah. Itu terserah kepada dia.

"Kalau (dakwaan) itu fitnah, maka ia fitnah. Kalau dia rasa itu sesuatu yang dia fikir boleh diambil tindakan undang-undang, terpulang juga kepada dia. Sebagai seorang peguam, dia tentu tahu," katanya selepas menghadiri program pemimpin bersama rakyat dan merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kuala Selangor di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar tabloid, Perdana Sari, berhubung dakwaan Azalina seorang lesbian.

Tabloid itu yang mula diterbitkan pada 31 Mac lalu, juga mendakwa Azalina menyalahgunakan wang tabungan Puteri Umno untuk membeli kereta mewah bernilai RM300,000 untuk kekasihnya.

Ditanya sama ada laporan mengenai Azalina itu mempunyai agenda politik pihak tertentu, Abdullah berkata: "Semua kita buat ada motif politik apa pun."

Mengenai jawatan Ketua Penerangan Umno yang baru bagi menggantikan Datuk Mustapa Mohamad yang meletakkan jawatan itu baru-baru ini untuk menumpukan perhatian kepada Umno Kelantan, beliau berkata, ia akan diumumkan pada mesyuarat MT akan datang.

Katanya, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri akan menentukan calon yang sesuai untuk jawatan itu.

Ditanya apakah kriterianya, beliau berkata, calon itu mesti boleh membuat kerja tanpa mengira sama ada seseorang itu berjawatan dalam Kabinet atau tidak.

Mengenai rungutan sesetengah pihak ada pemimpin cawangan atau bahagian yang cuba menyekat kemasukan mereka, Abdullah berkata, perkara itu perlu dilaporkan kepada badan perhubungan Umno negeri.

Katanya, mereka boleh mengemukakan permohonan terus ke ibu pejabat Umno kerana parti itu sudah membuat keputusan menerima sesiapa saja orang Melayu menganggotainya kecuali yang ada rekod jenayah.

Pada majlis itu, Abdullah menerima borang kemasukan kira-kira 300 bekas ahli Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) bahagian Kuala Selangor.

Beliau menyifatkan penyertaan ramai bekas ahli parti pembangkang itu sebagai perkembangan positif yang menunjukkan Umno semakin bertambah baik dan kuat sehingga banyak cawangan baru ditubuhkan di seluruh negara.

Terdahulu, dalam ucapannya Abdullah berkata, Umno tetap kukuh dan terus relevan walaupun pemimpinnya datang dan pergi kerana matlamat perjuangan parti itu untuk terus mengisi erti kemerdekaan.

"Umno pernah dibatalkan pendaftarannya (1987) dan seolah-olah terkubur sebagai entiti yang sah.

"Namun, kita berjaya memulihkannya kembali, dihidup dan digerakkan kerana semangat perjuangan kental ahli parti.

"Kini, jumlah ahli Umno hampir tiga juta dan akan terus stabil dan kukuh di bawah pimpinan Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah turut melancarkan Yayasan Sepakat yang diasaskan sekumpulan Bumiputera dengan matlamat ke arah pendidikan cemerlang anak Melayu serta menerima sumbangan tokoh korporat untuk dana yayasan terbabit.

Abdullah kemudian menyampaikan sumbangan Umno Kuala Selangor berjumlah RM1,802 kepada wakil The New Straits Times, Azura Abas untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin.

Sebelum itu, beliau merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Tanjung Karang.

(END)